

Tsu Koon akhirnya akui usaha bantu Melayu P. Pinang belum cukup

Oleh WAN NAJIB WAN DAUD

PULAU PINANG 14 Ogos - Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon akhirnya mengakui usaha kerajaan negeri membantu orang Melayu di negeri ini masih belum mencukupi,

Ini kerana menurutnya, kerajaan negeri bukan sahaja harus memberi tumpuan terhadap satu-satu kaum sahaja, sebaliknya perlu bersikap adil kepada semua kaum termasuk Cina dari India.

Kita harus bersikap terbuka kerana Pulau Pinang terdiri daripada masyarakat pelbagai kaum

"Kita harus bersikap terbuka kerana Pulau Pinang terdiri daripada masyarakat pelbagai kaum dan kerajaan negeri mempunyai tanggungjawab yang sama iaitu memberi keadilan kepada semua kaum bagi menikmati pema-

ngunan secara adil dan saksama," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Regional Exposition For SMEs 2006 di sini hari ini.

Semalam Perdana Menteri,

DR. KOH TSU KOON
Ketua Menteri...
Pulau Pinang

Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu kerajaan negeri Pulau Pinang mengambil kira cadangan-cadangan yang disuarakan oleh masyarakat Melayu bagi memelihara kepentingan mereka di negeri ini.

Menurutnya, ini kerana ada usaha kerajaan negeri yang diterajui Gerakan belum dapat membantu masyarakat Melayu, dipercayai menjadi punca timbulnya perasaan tidak puas hati

• **Lihat muka 2**

Tsu Koon akhirnya akui usaha bantu Melayu P. Pinang belum cukup

dalam kalangan mereka terhadap Tsu Koon.

Bagaimanapun kata Abdullah, kerajaan negeri masih menyediakan bantuan dan menjaga kepentingan orang Melayu walaupun mungkin tidak sepenuhnya.

Isu itu timbul apabila hampir semua Pergerakan Pemuda UMNO bahagian di Pulau Pinang berhasrat mahu membangkitkan usul mencadangkan penggiliran jawatan Ketua Menteri Pulau Pinang pada mesyuarat agung Pemuda UMNO bahagian, berikutan kegagalan Tsu Koon menjaga kepentingan Melayu di negara ini.

Mengulas lanjut, Tsu Koon berkata, kerajaan negeri sentiasa bersikap proaktif menyediakan lebih banyak peluang untuk semua kaum dan membaiki serta menambahbaik kelemahan.

Pada masa sama, beliau menyambut baik nasihat Perdana Menteri yang mahukan Pulau Pinang terus berdaya saing untuk memajukan negeri tanpa merugikan mana-mana kaum.

Mengenai keberkesanan Anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) yang mewakili UMNO, Tsu Koon berkata, beliau berpuashati dengan peranan me-

reka dalam menjaga kepentingan Melayu, seperti anggota Exco lain yang turut berperanan memenuhi keperluan pengundi masing-masing.

Beliau memberi contoh masalah setingan yang memerlukan perhatian dan dibangkitkan pada mesyuarat mingguan Exco dan akhirnya diselesaikan selepas perbincangan melibatkan semua pihak.

"Seperti yang saya katakan, saya mempunyai keyakinan tinggi terhadap Exco-Exco yang dilantik kerana percaya mereka mampu melakukan sesuatu untuk rakyat yang memilih mereka," katanya.